



THE COLLABORATIVE INSTRUCTIONAL DESIGN SYSTEM (CIDS NEW-GEN) SISTEM REKA BENTUK INSTRUKSIONAL KOLABORATIF

MANUAL PENGGUNA: MODUL 1 - PENGENALAN

*(Penerangan secara keseluruhan fitur-fitur utama perancangan instruksional CIDS
NEW-GEN)*



Transforming teachers...inspiring learners...

MANUAL PENGGUNA: MODUL 1 - PENGENALAN

REFLEKSI

- **"Transformasi Pendidikan Negara telah digubal dan dilaksanakan untuk memenuhi keperluan persekitaran Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dan kompetensi-kompetensi yang diperlukan oleh murid masa kini, tetapi..."**

Adakah kita merancang dan melaksanakannya dalam persekitaran di bilik darjah mengikut keperluan dan aspirasi pendidikan negara?

- **"Guru diperkaya dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran pedagogi & kemahiran teknologi dalam kursus praperkhidmatan & dalam perkhidmatan untuk melahirkan kemenjadian murid, tetapi..."**

Adakah kita telah merangkai & mengintegrasikannya (*connecting the dots...*) ke dalam perancangan dan pengajaran kita?

CIDS - "Collaborative Instructional Design System – NEW-GEN" – ada semuanya - transforming teachers.....inspiring learners...

MAKLUMAT KEPADA PENGGUNA

Pengguna dinasihatkan mengikut langkah-langkah berikut untuk penggunaan **CIDS NEW-GEN** yang berkesan:

- **CIDS adalah mudah & mesra pengguna!** Sila baca dan fahami pengenalan aplikasi CIDS NEW-GEN ini terlebih dahulu untuk mendapat gambaran umum konsep & pengaplikasiannya dalam proses merancang instruksional (RPH).
- **Tatacara/prosedur/panduan** lengkap boleh diakses pada **Manual Pengguna** yang mengandungi beberapa **Modul**.
- **Terdapat ikon info dan klip video** pada **setiap langkah-langkah pelaksanaan**. Sila baca untuk **paduan dan bimbingan**.
- **Perancangan instruksional** boleh dilaksanakan **secara fleksibel dan boleh diubasuai (customized)** oleh guru.
- **Guru diberi autonomi** untuk melaksanakan perancangan **secara ringkas/asas** mengikut **keperluan minimum** sehingga **ke peringkat lanjutan** mengikut keperluan.
- **Guru juga boleh memilih fitur Ai Smart-Search** sebagai **alternatif** pada **sebahagian item perancangan** untuk memudahkan.
- Anda digalakkan melaksanakannya secara **berperingkat-peringkat** mengikut **modul** untuk memudahkan pemahaman dan pengaplikasiannya.

SELAMAT MENCUBA

A. PENGENALAN

- Pembinaan **Sistem Reka Bentuk Instruksional Kolaboratif** (*Collaborative Instructional Design System – CIDS NEW-GEN*) adalah bertujuan untuk menyediakan satu **sistem untuk warga pendidik merancang & memantau pembelajaran yang mudah** dalam persekitaran maya berbantuan AI Smart-Search.
- **Model Reka Bentuk Instruksional Integral ASIE** yang terangkum di dalamnya merupakan **Alat Perancangan Pembelajaran** (*Instructional Design Tool*).
- CIDS NEW-GEN telah pun melalui proses **penyelidikan dan rintis** selama 7 tahun dan mendapat **verifikasi** daripada tokoh-tokoh pendidikan **dalam & luar negara** serta daripada badan antarabangsa [Center for Curriculum Redesign, US.](#)

Perhatian!

CIDS NEW-GEN bukan sekadar **templat e-RPH** untuk memudahkan guru merancang pengajaran tetapi merupakan **prosedur perancangan instruksional** secara **profesional & sistematik** yang berlandaskan teori & prinsip-prinsip utama bidang reka bentuk instruksional (*instructional design*) ke arah melahirkan “**kemenjadian murid**” – **Prinsip ABC – Anak yang Baik lagi Cerdik**). Ini selaras dengan dengan tumpuan teras utama KPM yang memberi penekanan kepada aspek **Karamah Insaniah** melalui pembentukan **adab, akhlak dan integriti** untuk melihat **murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera**.


1. Kerangka & Konsep CIDS NEW-GEN

- Elemen-elemen perancangan dalam CIDS NEW-GEN didasarkan pada ubahsuaian kandungan Dokumen **Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)** terbitan **KPM, 2017**.

Rajah 1: *Dokumen Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) terbitan KPM, 2017.*




Rajah 2: Kerangka Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) terbitan KPM, 2017.



- Manakala Kerangka PAK21 yang terdapat pada *Four-Dimensional Education*, (2015,2024) terbitan badan antarabangsa *Center for Curriculum Redesign* diadaptasikan dalam CIDS NEW-GEN dengan *ihsan* badan tersebut.

Rajah 3: Kerangka PAK21 - Four-Dimensional Education





"The [4-Dimensional Education \(4DEdu\) framework](#) has been selected as the **21st Century Learning Framework in the Collaborative Instructional Design System (CIDS)**. The 4DEdu-CIDS guides user in the instructional planning: **redesigning, reconstructing, and reengineering academic directions, visualizing the current Education landscape towards preparing learners' future career path that is relevant to the Fourth Industrial Revolution.**"

(Pernyataan Charles Fadel terhadap CIDS dan kaitannya dengan Four-Dimensional Education)

Charles Fadel

*Global Education Thought Leader, Author, Futurist, Inventor,
Founder & Chairman, Center for Curriculum Redesign, USA
Project Director at Harvard Graduate School of Education, USA*

2. Kekuatan CIDS NEW-GEN (bukan sekadar e-RPH):

- Membantu guru **merungkai standard kurikulum** (*unpacked curriculum standard*) bagi memenuhi **keperluan Pendidikan 4.0 (Education 4.0)** serta keperluan pendidikan **masa kini** dan **masa hadapan** dalam menuju era **Revolusi 4.0**.
- Boleh **diadaptasi & diintegrasikan** dengan sumber-sumber luar (*YouTube dsb. dan Pakej aplikasi Google Classroom*) di mana ia saling lengkap melengkapi proses perancangan pengajaran guru.
- **Membimbing** guru-guru ke arah **Merancang Pembelajaran Abad Ke-21 Secara Profesional & Sistematis** sama ada **bersemuka** atau **pembelajaran di rumah (PdPR)**.
- Fitur-Fiturnya (*features*) boleh **diubahsuai (customized)** mengikut **kreativiti guru-guru** selari dengan konsep "**desentralisasi**" iaitu memberi **autonomi** kepada guru-guru dalam menentukan corak perancangan bagi melahirkan **Kemenjadian Murid** di sekolah masing-masing.
- Sebagai **Nilai Tambah** memberi kemudahan untuk **merancang/melapor aktiviti kokurikulum**, mengisi **Penilaian SKPM Kualiti@Sekolah**, **berkongsi PLC (Lesson Study)**, dan menyediakan tapak **Saluran Komunikasi CIDS-VideoCorps**.

B. LAMAN UTAMA CIDS NEW-GEN

Rajah 4: Screenshot – Informasi pada Laman utama CIDS



COLLABORATIVE INSTRUCTIONAL DESIGN SYSTEM
NEW-GEN

PERIHAL KAMI ▾ CIDS & PENDIDIKAN 4D ▾ PLC ▾ BANTUAN ▾ ENGLISH

Q

COLLABORATIVE INSTRUCTIONAL DESIGN SYSTEM NEW-GEN



Membina Perancangan Yang Profesional & Sistematis

Mereka Bentuk Aktiviti Instruksional (pelan mengajar) Abad Ke-21 berbantuan AI - Smart Search Amalan Terbaik Bilik Darjah & Semua Jenis Institut Latihan & Kemahiran



COLLABORATIVE INSTRUCTIONAL DESIGN SYSTEM
NEW-GEN

PERIHAL KAMI ▾ CIDS & PENDIDIKAN 4D ▾ PLC ▾ BANTUAN ▾ ENGLISH



Mereka Bentuk Instruksional Secara Profesional & Berkualiti berbantuan AI-Smart Search



Berkongsi Sumber Digital Ke Arah Kesejahteraan Murid & Guru



Kepelbagaian Aktiviti Pembelajaran Melahirkan Pelajar yang Kritis & Kreatif



Pembentukan Insan Holistik Melalui Aktiviti Kokurikulum



VideoCorps – Saluran Komunikasi Perbincangan Melalui Pertemuan Maya



Professional Learning Community (PLC - Lesson Study) - Peningkatan Profesionalisme Guru

Tekan Untuk Memilih Jenis Perancangan Aktiviti

Perancangan Instruksional (eRPH)

- Perancangan instruksional untuk semua subjek bagi semua jenis sekolah.
- Format perancangan yang fleksibel boleh diubahsuai mengikut keperluan situasi pendidikan masa kini (PAK2T).
- Pemantauan, pengesahan pelbagai peringkat pentadbiran.



Lesson Study

- Berkerjasama merancang, mengajar, mengamati, & berkongsi maklumat hasil daripada sesi pemerhatian dan sesi refleksi.
- Ke arah peningkatan profesionalisme guru.



SKPM Kualiti@Sekolah

- Laporan Standard 4 — Pembelajaran & Pemudahcaraan • Penilaian & Pengesahan pelbagai peringkat pentadbiran



Perancangan Kokurikulum

- Perancangan & pelaporan aktiviti kokurikulum kelab, persatuan, Unit beruniform.
- Laporan kehadiran.
- Pengesahan pelbagai peringkat pentadbiran.




Hak Cipta Terpelihara ©Ismail, 2025

Page 6

C. MODEL REKA BENTUK INSTRUKSIONAL INTEGRAL ASIE

Model yang terangkum dalam CIDS NEW-GEN ini merupakan **aliran prosedur perancangan instruksional** guru.

Rajah 5: Komponen Model Reka Bentuk Instruksional Integral ASIE



ASIE – Mengandungi 4 komponen yang dilengkapkan dengan info elemen-elemen kompetensi PAK21 untuk diterapkan kepada murid di mana ianya diberi autonomi atau opsyen kepada guru-guru untuk memilih dan dimasukkan dalam perancangan instruksional guru:

- i. (**A**nalyze – *Analisis*, **S**trategize – *Menyusun Stragegi*, **I**mplement – *Melaksana*, **E**valuate – *Menilai*)
- ii. **Komponen 1 & 2** mengandungi **elemen-elemen Pembelajaran Empat-Dimensi**.
- iii. Bagi **setiap dimensi** terdapat **item-item Kemahiran PAK21** (*diistilahkan sebagai kompetensi & subkompetensi*) yang perlu dikuasai oleh murid.
 - **Komponen 1 : Analyze – Analisis**
 - Dimensi 1: Integrasi- Pengetahuan**
 - i. **Kompetensi** – tema PAK21 & tema-tema lain, subjek, objektif pembelajaran dsb.
 - ii. **Subkompetensi:** kandungan subjek atau huraian yang terdapat di dalamnya.

- **Komponen 2: Strategize – Menyusun Strategi**

Dimensi 2: Kemahiran

- Kompetensi:** Kreativiti, Pemikiran Kritis, Komunikasi, Kolaboratif
- Subkompetensi:** Huraian/tindakan yang terdapat di dalamnya


Dimensi 3: Watak

- Kompetensi:** Kesedaran, rasa ingin tahu, keberanian, daya ketahanan, etika, kepimpinan
- Subkompetensi:** Huraian/tindakan yang terdapat di dalamnya

Dimensi 4: Pembelajaran-Meta

- Kompetensi:** Metakognisi, Pertumbuhan Penetapan Minda
- Subkompetensi:** Huraian/tindakan yang terdapat di dalamnya

Rajah 6: Struktur Komponen, Dimensi & Fungsi setiap komponen Model ASIE



Komponen 3 – Implement (*Melaksana*) & **Komponen 4** - Evaluate (*Menilai*) adalah tindakan selepas perancangan sebagai pelengkap kitaran model perancangan.

D. ID DAN FUNGSINYA

Setiap pengguna diberi **ID yang berbeza fungsinya**. Pastikan anda mendapat **ID yang betul**. Setiap orang hanya perlu ada **1 (satu) ID sahaja**.

1. ID dan fungsinya.

- **Setiap ID diikuti dengan nombor**. Sila ingat nombor ID yang diberikan. Secara lalai (*default*) Kata laluan telah diberikan. Anda perlu **menukar kata laluan** tersebut (*sekurang-kurangnya 8 aksara*) untuk tujuan **keselamatan**.
- Jika berlaku pertukaran keluar/masuk sekolah /dalam & luar daerah/negeri, atau kenaikan pangkat & jawatan **ID tidak perlu ditukar**, hanya tukar informasi yang berkaitan pada Menu **Profil – Sunting Profil Saya**. Ia boleh dilaksanakan oleh **penyelaras (admin) di peringkat sekolah** (jika terlibat dalaman) atau **di peringkat PPD melalui Pegawai teknikal CIDS** (jika kenaikan pangkat jawatan). Rujuk modul pengguna – **Peranan Penyelaras**.
- Sila rujuk rajah berikut untuk melihat **fungsi dan peranan pemegang ID**.

ITEM	JENIS ID	FUNGSI				PERINGKAT
		MERANCANG	MENGESAH (Beri Ulasan Ringkas Secara Umum)	MEMBIMBING (Beri Ulasan Pada Aktiviti Pdp – Langkah-langkah Pengajaran)	MENYELARAS (Reset/Ubah Status Id, Masuk Logo Sekolah/Cipta Kelas/Masuk Kontent Dsb)	
1	CIDSLARAS	√			√	PENYELARAS CIDS PERINGKAT SEKOLAH
2	CIDSGURU/ASIEGURU	√				GURU
3	CIDSTADBIR/ ASIE TADBIR	√	√			PENGETUA/GURU BESAR/SLT PERINGKAT SEKOLAH
4	CIDSDIDIK/ ASIEDIDIK	√	√	√		MLT PERINGKAT SEKOLAH (<i>Sekolah Menengah Sahaja</i>)
5	CIDSUPER	√	√	√		SISC PERINGKAT DAERAH
6	CIDSDAERAH/ASIEDAERAH	√	√	√		PERINGKAT DAERAH
7	CIDSJABATAN/ASIENEGERI	√	√			PERINGKAT JABATAN
8	CIDSKPM	√	√			PERINGKAT KEMENTERIAN
9	CIDSNAZIR	√	√	√		IKUT KATEGORI JABATAN/ KPM


E. PERISTILAHAN

- **Collaborative Instructional Design System (CIDS NEW-GEN) Sistem Reka Bentuk Instruksional Kolaboratif** – Sistem aplikasi untuk mereka bentuk instruksional (RPH) merangkumi pelbagai aspek perancangan pembelajaran guru, murid serta pentadbir bagi memenuhi keperluan pendidikan peringkat lokal dan global.
- **Model Reka Bentuk Instruksional Integral ASIE** – Alat (*tool*) mereka bentuk instruksional - *Instructional Design Tool* (berlandaskan prinsip & teori reka bentuk pengajaran – *instructional design*) yang menyediakan aliran prosedur merancang pengajaran secara profesional & sistematik.
- **Professional Learning Komuniti (PLC)** – kemudahan kepada guru menyediakan *Lesson Study*
- **Komponen** – Empat (4) komponen yang mempunyai beberapa aspek (elemen) dalam Model ASIE untuk proses merancang instruksional.
- **Aspek** – aspek-aspek (elemen – kompetensi yang diperlukan oleh murid) terdapat dalam setiap komponen model hasil adaptasi daripada **Kerangka Pembelajaran PAK21** (KPM, 2017) dan Kerangka Pembelajaran PAK21 **Four Dimensional Education** (*Center for Curriculum Redesign, 2015, 2019, 2024*).
- **Item** – beberapa item perancangan dalam setiap aspek (elemen) yang boleh **diubahsuai** (*customize*) oleh pengguna.
- **RPT – mencipta** beberapa rancangan mingguan sepanjang 1 tahun sesi persekolahan.
- **Perkongsian Rancangan Pelajaran Tahunan** – laman koleksi RPT yang diberi kongsi bersama rakan.
- **MIW** – *Multiple Integration Worksheet* (Lembaran Kerja Integrasi Pelbagai) - ialah tapak koleksi maklumat perancangan mingguan yang secara tidak langsung membentuk **RPT** secara automatik. **MIW** juga akan dipilih kandungannya untuk mencipta **RPH** pada minggu tersebut.
- **RPH** – Rancangan Pelajaran Harian – Terbentuk daripada **MIW**.
- **Adegan Pengajaran** (*Instructional Events*) – Langkah-langkah aktiviti PdPc dalam RPH.
- **Cipta Kelas** - (*untuk penyelarar sekolah sahaja*) mencipta kelas-kelas untuk pengajaran. Kelas yang dicipta oleh penyelarar dapat diakses oleh semua pengguna dalam institusi (*sekolah*) tersebut.
- **Cipta Kelas Gabungan** – dicipta oleh guru yang terlibat dalam kelas gabungan sahaja (contoh: sekolah SKM, atau subjek yang digabung kelas)
- **Rekod** – merujuk pada set perancangan pengajaran guru (MIW & RPH) yang lengkap dibina.
- **Cipta Rekod Baharu** - mencipta rekod untuk membina RPH.
- **Buka Rekod** - Buka rekod perancangan yang telah dicipta.
- **Jadual Waktu Instruksional** - Jadual waktu instruksional (*dicipta oleh guru*) untuk kegunaan dalam sistem terutama pada penetapan tarikh dan waktu instruksional (RPH).
- **Perkongsian Rekod** – rekod lengkap yang dihantar untuk dikongsi oleh rakan-rakan lain.
- **Rekod Penyeliaan** - senarai rekod perancangan guru di bawah penyeliaan seseorang pentadbir.
- **Rekod Belum Sah** - Senarai rekod yang belum disah oleh pentadbir.
- **Pautan Ke Sumber Maklumat** – merujuk kepada proses memaut (*link*) klip video, imej dan info dari dari sumber tertentu (internet, Google Drive) ke laman perancangan pembelajaran CIDS NEW-GEN.

- **Sedia Dibimbing** - tercatat pada akhir helaian setiap RPH. Diaktifkan oleh guru untuk memberi notifikasi bahawa RPH berkaitan sudah tersedia untuk dipantau oleh pihak berkaitan (*pemantau/penilai/pembimbing*). **Peringatan** - pihak pemantau/penilai/pembimbing bebas boleh memilih mana-mana RPH yang telah dihantar oleh guru tanpa memerlukan notifikasi seperti di atas daripada guru.
- **Sisipan Ulasan** - butang ini hanya dapat diakses oleh pemengan ID yang berkaitan sahaja (*pemantau/penilai/pembimbing* - Contoh: *cidsdidik, cidsuper*). Mereka boleh menyisip ulasan bagi setiap langkah-langkah aktiviti pengajaran guru untuk tujuan bimbingan (*scaffolding*) /penambahbaikan. Ulasan ini hanya boleh diakses oleh guru tersebut dan pihak yang berkaitan sahaja. Pihak pentadbir yang tidak berkaitan (*Pengetua/Guru Besar*) tidak boleh akses pada ulasan tersebut.
- **Cipta Pembelajaran Modular** - mencipta rekod pengajaran yang mempunyai gabungan subjek bagi satu aras kelas atau gabungan subjek bagi aras-aras kelas yang berbeza (*contoh: pembelajaran di sekolah SKM atau pada situasi tertentu*).
- **CIDS VideoCorps** - Fitur untuk berkomunikasi secara maya (*dalam kumpulan kecil*) dalam kalangan pengguna CIDS NEW-GEN (*termasuk murid*) dan tetamu yang diundang (*termasuk ibubapa*) untuk tujuan perbincangan isu-isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran sahaja.

F. CARTA ALIRAN PROSEDUR PELAKSANAAN CIDS

Sebagai sebuah sistem, pengguna harus mengikut aliran prosedur yang bermula dengan **pendaftaran oleh penyelaras** diikuti oleh pengguna, merancang pengajaran, membina aktiviti RPH dan menghantar untuk pengesahan.



G. PENDAFTARAN

Oleh kerana CIDS NEW-GEN adalah sebuah sistem, maka ianya memerlukan pengguna mendaftar dengan ID yang diberikan. Maklumat perlulah betul. Sebarang pemilihan maklumat yang disediakan perlulah tepat (*contoh: nama daerah, sekolah, kod sekolah - perlu dipilih bukan ditulis*). Kesilapan maklumat pada bahagian ini akan mengakibatkan erata (*error*) pada bahagian-bahagian lain dan menjejaskan prosedur merancang pengajaran dan analisis statistik.

Pemberitahuan: Klip video ringkas bagi setiap prosedur operasi disertakan pada helaian model untuk panduan pengguna.

Pendaftaran – untuk semua peringkat institusi (sekolah, PPD, JPN) - dimulakan oleh penyelaras kemudian diikuti oleh pengguna yang lain.

H. CIPTA & SUNTING KELAS

- Dilaksanakan oleh **Penyelaras sahaja** untuk mencipta atau menyunting semua kelas. Kelas-kelas yang dicipta/disunting akan dapat dilihat dan digunakan oleh semua anggota ahli sekolah tersebut
- **Jadual Waktu Instruksional** - menetapkan waktu dan jumlah RPH (*dilaksanakan oleh semua pengguna CIDS yang terlibat dalam PdP*)

I. RANCANG RPT & RPH

- **Merancang bermula pada awal tahun:** perancangan perlu bermula dengan mencipta Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT)
 - RPT akan membentuk beberapa rekod perancangan mingguan untuk 1 tahun sesi persekolahan dan akan disimpan dalam menu RPT.
 - RPT yang lengkap boleh dihantar untuk pengesahan dan boleh dicetak atau disimpan dalam fail PDF. P
 - Rekod-rekod perancangan mingguan yang terbentuk dalam RPT secara automatik akan disalin dan dikumpulkan mengikut minggu dan bulan dalam menu **Buka Rekod**.
 - Pada setiap minggu guru hanya buka rekod dan pilih rekod-rekod yang tersimpan untuk mencipta aktiviti-aktiviti pembelajaran sebagai **Rancangan Pelajaran Harian (RPH)**.
 - Ianya boleh dicipta secara ringkas seperti yang dicadangkan oleh pihak KPM melalui SPI/1/3/1999, atau mengikut keperluan masing-masing oleh kerana item-item perancangan dalam CIDS NEW-GEN boleh diubahsuai (*customize*) oleh guru-guru.
- **Merancang pada pertengahan tahun (atau bila-bila masa sesi persekolahan telah bermula):** jika RPT telah dicipta dengan menggunakan sistem atau aplikasi lain, ianya tidak perlu dibuat semula kerana:
 - CIDS NEW-GEN boleh dipautkan ke storan yang mengandungi fail RPT dan boleh dimuat turun dan ditampal (paste) dalam ruang yang ditentukan untuk rujukan.
 - Rekod yang dicipta untuk **mingguan** secara berasingan akan disimpan dalam kedua-dua **lokasi secara otomatik** dan tersenarai dalam (i) menu **Buka Rekod** (ii) menu **Rancangan Pelajaran Tahunan** – automatik terbentuk RPT.

- RPT & Rekod-rekod mingguan yang akan membentuk RPH boleh **dikongsi dan disalin secara pukal**.

J. PAUTAN KE PELBAGAI SUMBER PERKONGSIAN / MEMAPAR BAHAN PAUTAN PADA RUANG ADEGAN PEMBELAJARAN (*langkah-langkah aktiviti pembelajaran*)

Contoh:

- Sumber imej dari Google Image - mungkin berubah dari semasa ke semasa cara menyalin & menampal (*terdapat berbagai cara menyalin dan menampal bahan - ikut cara dan kreativiti guru*).
- Operating System (OS) yang ada pada komputer riba/tablet/dan telefon bimbit akan menyebabkan perbezaan cara menyalin dan menampal bahan. Anda dinasihatkan untuk meneroka sendiri caranya.

Peringatan: Anda mungkin menerima mesej untuk mendaftar terlebih dahulu sebelum dapat menggunakan storan-storan yang berkaitan jika belum berbuat demikian.

- Pautan Bahan dari **Google Drive**
- Pautan Bahan dari **Google Classroom**
- Pautan Bahan dari **Microsoft OneDrive**
- Pautan Bahan dari **Pelantar DELIMA**

1. Kongsi Rekod (*memenuhi keperluan aspek kolaboratif dalam kalangan guru*)

Rekod yang dicipta boleh dikongsi dengan rakan-rakan dalam sekolah yang sama atau pada pengguna di sekolah atau daerah/negeri yang lain. Peringkat prosedurnya adalah seperti berikut:

- *Memberi Kongsi*
- *Menerima Rekod yang diberi kongsi*
- *Menyalin Rekod yang diberi kongsi*
- *Membuka Rekod yang diberi kongsi untuk tujuan suntingan*

2. Cetak/Simpan PDF

CIDS NEW-GEN juga menyediakan pilihan untuk mencetak / simpan di atas keperluan. Cetakan/Simpan PDF tidak boleh dibuat secara pukal.

Disediakan dalam 2 cara: (ii) cetakan penuh (iii) cetakan ringkas

3. Menukar Tetapan (*untuk memenuhi keperluan memberi autonomi kepada guru mengubahsuai sebahagian item perancangan mengikut keperluan sendiri*)

- **Menukar Tetapan** bermaksud - **mengubah penyusunan** (*customized*) atau **menambah item-item** baharu pada aspek-aspek yang ada pada model ASIE.

Penyesuaian/tambahan item-item boleh dibuat pada **setiap aspek-aspek** yang terdapat pada komponen satu (1) **Analyze** (*Analisis*) dan (2) **Strategize** (*Menyusun Strategi*) **sahaja** yang melibatkan pengisian perancangan.

K. PEMBELAJARAN MODULAR/KELAS BERCANTUM

Pembelajaran Modular - Pengajaran yang mempunyai gabungan subjek bagi satu aras kelas atau gabungan subjek bagi aras-aras kelas yang berbeza (*contoh: pembelajaran di sekolah SKM atau pada situasi tertentu*).

Kelas Bercantum - 2 kelas (atau lebih) dicantum untuk mewujudkan 1 kelas

Contoh: (i) Kelas untuk sekolah SKM (sekolah kurang murid) (ii) Kelas Pendidikan Islam/Pendidikan Moral atau PJKP yang digabungkan mengikut subjek atau jantina

L. INTEGRASI PENDIDIKAN SIVIK DALAM SUBJEK PEMBELAJARAN

Menyediakan format untuk interasi Pendidikan Sivik dalam subjek pada akhir bulan. Disediakan pilihan tema mengikut apa yang dikeluarkan oleh KPM.

M. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN (*OPSYENAL*)

1. Lesson Study (*bagi memenuhi keperluan sebahagian aktiviti PLC*)

Perhatian: Untuk tujuan *lesson study*, guru secara kolaboratif dalam kumpulan mencipta RPH yang lengkap. RPH boleh dicipta melalui **ID salah seorang ahli kumpulan lesson study** yang terlibat. Semua nama ahli yang terlibat akan dimasukkan dalam borang **Pemerhatian & borang Refleksi** kemudian nanti.

(Sila rujuk *Lesson Study: Manual Pengguna*)

2. Laporan Kokurikulum - Menyediakan ruang untuk guru mencatat laporan kokurikulum

(Sila rujuk *Laporan Kokurikulum: Manual Pengguna*)

3. Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM Kualiti@Sekolah) - Memberi kemudahan kepada guru/pentadbir menyediakan laporan & analisis yang diperlukan oleh KPM.

(Sila rujuk SK@S Kualiti@Sekolah: Manual Pengguna)